

Bengkel bimbingan OKU di Ekspo Inovasi Islam 2013 mulai hari ini

KOTA BHARU 24 Okt. - Ibu bapa yang memerlukan bantuan dan bimbingan dalam mengendalikan keperluan anak kurang upaya dialu-alukan menghadiri Ekspo Inovasi Islam (i-INOVA) Ke-4 2013 yang akan berlangsung di Stadium Tertutup Nilai, Negeri Sembilan bermula esok hingga Ahad ini.

Menurut Setiausaha 1 Pameran Bahagian Orang Kurang Upaya (OKU) i-INOVA 2013, Dr. Mohd. Zulkifli Abd. Rahim, ekspu anjuran Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dengan kerjasama Universiti Sains Malaysia (USM) kali ini mengetengahkan permasalahan OKU sebagai tipiti utama.

Beliau berkata, selain pameran dan pertandingan inovasi, terdapat aktiviti karnival, bengkel dan rundingcara pelbagai disiplin yang dikendalikan pakar bagi kemudahan orang ramai mengetahui kaedah sepatutnya memastikan golongan OKU termasuk warga emas terlantar dapat menikmati hidup dengan sempurna.

"Dalam ekspo selama tiga hari ini, kita akan beri peluang kepada orang ramai merasai pengalaman sebagai OKU melalui simulasi menjadi orang buta, pekak atau lumpuh.

"Sehubungan itu mereka akan lebih memahami kesusahan yang dihadapi OKU setiap hari dan bagaimana kita sebagai insan normal patut berusaha untuk membantu mereka," katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika ditemui di sini hari ini.

Selain itu katanya, pihak penganjur juga akan menyediakan ruang untuk pemeriksaan kesihatan dan pengesanan awal permasalahan atau kecacatan yang dihadapi kanak-kanak.

Mohd. Zulkifli berkata, terdapat lapan bengkel khusus dibuka kepada orang ramai di antaranya ialah bengkel pengurusan kanak-kanak bermasalah pendengaran dan pertuturan; pengurusan kanak-kanak bermasalah pembelajaran; pengurusan paliatif untuk pesakit kronik dan bengkel latihan keseimbangan badan bagi pesakit strok.



MOHD. Zulkifli Abd. Rahim menunjukkan poster program Ekspo inovasi Islam di Kota Bharu, semalam.